

**KEDINAMIKAN PENYAMPAIAN FATWA NEGERI-NEGERI
DI MALAYSIA: PENILAIAN ADAPTASI BERDASARKAN
“KIRKPATRICK MODEL OF EVALUATION”**

***Dynamism of Delivering the States Fatwa in Malaysia: Adaptation
Assessment from “Kirkpatrick Model of Evaluation”***

¹SOLAHUDDIN ABDUL HAMID

²KAMARUDIN AHMAD

³MOHD AKRAM DATO' DAHAMAN@DAHLAN

¹⁻³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah

¹solah@uum.edu.my, ²kama@uum.edu.my, ³akram@uum.edu.my

Diterima: 9 Februari 2018 / Dibaiki: 13 April 2018

Abstrak Kewujudan fatwa adalah berasaskan realiti sebenar dalam masyarakat dan bukanlah merupakan suatu rekaan oleh para ulama. Dalam erti kata lain, fatwa merupakan satu jawapan hukum yang dikemukakan sebagai respons terhadap persoalan yang diajukan serta hasil tindak balas terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Sukar untuk memperakui bahawa respons sesuatu isu adalah milik mutlak individu tertentu. Respons institusi fatwa terhadap permasalahan yang dikemukakan juga merupakan jawapan kepada persoalan hidup individu lain yang memerlukan penyelesaian dalam aspek agama. Persoalannya, adakah ia dapat memberi keyakinan kepada masyarakat umum yang terdiri daripada pelbagai fikrah dan keperluannya. Makalah bersifat teoretikal ini menganalisis kesesuaian cadangan adaptasi “*Kirkpatrick Model of Evaluation*” dalam penyampaian fatwa-fatwa negeri di Malaysia supaya lebih bersifat dinamik dan efisien. Model yang dibangunkan oleh Donald L. Kirkpatrick ini menggunakan empat peringkat pengkategorian, iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Setiap fatwa yang dikeluarkan diharap dapat diterima dengan baik oleh masyarakat umum kerana penghasilannya adalah melalui penyelidikan dan perbincangan para ulama yang dibuat dengan penuh ketelitian.

Kata kunci: Fatwa, *Kirkpatrick Model of Evaluation*, negeri-negeri di Malaysia.

Abstract *The existence of the fatwa is based on the reality in society and is not designed by the ulama. In other words, a fatwa is a jurisprudence answer that is presented in response to the question raised and the result of the reaction to what is happening in the life of the community. It is hard to acknowledge that the response to the issue belongs to a particular individual. Fatwa institutions response to the issues raised is also an answer to the question of the lives of other individuals who required a solution in the religious aspect. The only question is whether it could provide confidence (assurance?) to the general public from different ideology and its needs. This theoretical paper analyzes the suitability of adaptation of the Kirkpatrick Model of Evaluation in delivering of states fatwa in Malaysia to be more dynamic and efficient. The model developed by Donald L. Kirkpatrick uses four-level categories of categorization namely reaction, learning, behavior and outcomes. It is hoped that every fatwa is well accepted by the general public as its income is through the research done by scholars with a thorough observation/inspection.*

Keywords: *Fatwa, Kirkpatrick Model of Evaluation, states in Malaysia.*

PENGENALAN

Umumnya, fatwa lahir hasil daripada persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Dari segi istilah fatwa mempunyai pelbagai definisi. Antaranya sebagai jawapan yang dibuat oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya atau mengkhabarkan hukum Allah SWT, sama ada pada yang mesti atau harus (laman web Jabatan Mufti Pulau Pinang). Dalam konteks negara Malaysia, terdapat seramai 14 orang mufti, iaitu setiap negeri mempunyai seorang mufti termasuk Wilayah Persekutuan. Sementara itu, fatwa dikeluarkan oleh Jawatan Kuasa Fatwa setiap negeri dengan mufti sebagai pengerusi. Setiap penyelesaian masalah berbentuk fatwa dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti melalui proses *istinbat* dengan penuh ketelitian sebelum dimuktamadkan bentuk hukumannya untuk disebarkan semula kepada masyarakat umum. Lanjutan itu, masyarakat harus menerima dengan baik, memahami setiap fatwa yang dikeluarkan dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam konteks beragama tanpa sebarang kekeliruan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Peranan ulama untuk membimbing masyarakat Islam secara fungsionalnya pada ketika ini dimainkan oleh mufti. Dengan perkembangan semasa yang pantas dan kompleks, sudah pastinya institusi fatwa menempuh pelbagai cabaran. Jika sesuatu yang bersifat proaktif dan preventif tidak dilakukan, sudah tentu masyarakat akan meragui kebolehan mufti dan keberkesanan fatwa untuk menyelesaikan masalah mereka (Ahmad Hidayat Buang, 2016). Fatwa yang dimaksudkan dalam konteks perbincangan ini adalah kenyataan mufti yang diwartakan. Kenyataan yang tidak diwartakan tidak dinamakan sebagai fatwa, sebaliknya sebagai pendapat sahaja. Selain pewartaan, prosedur fatwa berasaskan kepada jawatankuasa perundangan hukum syarak yang dipengerusikan oleh mufti sendiri. Mufti dan jawatankuasa berkenaan akan mengasaskan sesuatu fatwa berdasarkan kajian dan penyelidikan tertentu yang boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang wajar (Mahmood Zuhdi Haji Ab Majid, 2004).

Amalan Penyampaian Fatwa

Dari segi praktik, amalan yang diguna pakai oleh setiap Jabatan Mufti Negeri-Negeri di Malaysia adalah hampir sama kaedahnya. Contohnya, di Jabatan Mufti Terengganu, jawapan yang hanya disepakati pada peringkat Jawatan Kuasa Fatwa sahaja tanpa perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah tidak diwartakan tetapi sekadar diminitkan sahaja. Begitu juga jawapan-jawapan terhadap soalan yang dikemukakan kepada mufti, secara peribadi sama ada melalui lisan, surat, telefon, e-mel dan sebagainya. Maklum balas dalam kategori ini tidak dianggap sebagai rasmi terutamanya jawapan berbentuk lisan. Fatwa yang diwartakan adalah setiap fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatan Kuasa Fatwa setelah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan. Sesuatu fatwa yang diwarta akan dijadikan undang-undang dan semua umat Islam terikat dengan fatwa tersebut. Fatwa ini dianggap rasmi dan boleh dihebah dan disebarikan kepada umum dan digunakan untuk tujuan-tujuan rasmi serta dijadikan bahan bukti di mahkamah. Tidak semua permasalahan

atau persoalan yang dikemukakan kepada Jawatan Kuasa Fatwa atau mufti diwarta dan dijadikan undang-undang negeri. Fatwa dalam kategori ini juga dianggap rasmi dan boleh dihebahkan kepada umum. Namun, terdapat juga sebahagiannya yang dianggap sulit dan tidak perlu didedahkan kepada umum (Wan Zulkifli, Nasruddin, Azizi & Nazri, 2014).

Fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatan Kuasa Fatwa disampaikan kepada masyarakat umum melalui kaedah penerbitan seperti Warta Kerajaan, Buku Himpunan Fatwa, majalah, risalah dan surat-surat edaran kepada kariah. Selain itu, terdapat juga sebaran menggunakan teknologi maklumat seperti laman web, Facebook dan sebagainya serta kaedah bersemuka seperti mengadakan kursus kepada individu-individu yang berautoriti dalam masyarakat kariah seperti Pegawai Agama Daerah, Imam, Pegawai Masjid, Guru-guru Agama, Guru-guru Takmir dan sebagainya. Kaedah kursus secara bersemuka inilah yang menjadi fokus dalam perbincangan artikel ini. Individu-individu seperti yang dinyatakan tersebut bukan sahaja perlu memahami dalam konteks peribadi, malahan mereka juga bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan fatwa tersebut kepada masyarakat umum

Penilaian Program Penyampaian Maklumat Fatwa

Perubahan, pertambahan dan perkembangan semasa menyebabkan masyarakat sentiasa berdepan dengan situasi dan permasalahan baharu yang masih mempunyai hukum syarak yang jelas. Sungguhpun sesuatu fatwa itu berautoriti dan sah dalam konteks perundangan Islam dan negara kita, terdapat juga dalam kalangan masyarakat yang memandang remeh kewujudan serta mempertikaikan kesahihannya. Timbul persoalan sama ada situasi ini berlaku kesan daripada kegagalan institusi fatwa menyampaikan hukum tersebut melalui kaedah yang betul dan bersesuaian dengan suasana semasa.

Setiap program yang telah dilaksanakan memerlukan proses penilaian supaya organisasi dapat mengetahui tahap keberkesanannya melalui kebaikan dan kelemahan aktiviti yang dilaksanakan. Oleh itu, artikel ini akan menganalisis kesesuaian cadangan penilaian penyampaian fatwa-fawa yang telah dilakukan oleh Jabatan Fatwa Negeri berdasarkan adaptasi Model


Penilaian Kirkpatrick (1959). Dalam erti kata lain, artikel ini merupakan satu perbincangan awal berbentuk teoretikal untuk mengenal pasti sama ada Model Penilaian Kirkpatrick (1959) sesuai atau tidak untuk diaplikasikan dalam konteks penyebaran fatwa-fatwa di Malaysia. Menurut Kirkpatrick (1994), penilaian adalah sains dan seni. Dalam konteks sains, penilaian merupakan pengetahuan tersusun yang melibatkan pelbagai konsep, teori, prinsip dan teknik. Seni pula merujuk kepada aplikasi pengetahuan yang tersusun secara sistematik yang diaplikasi dalam situasi sebenar bagi mendapatkan keputusan secara praktikal seperti yang diinginkan. Oleh itu, penilaian program bertujuan mengukuh dan menilai kebaikan atau kelemahan sesuatu program latihan dan kesannya kepada pengguna akhir.

Latihan merupakan satu aktiviti memindahkan maklumat dan pengetahuan kepada peserta (individu atau kumpulan) bagi membolehkannya mempraktikkan maklumat dan pengetahuan yang dipelajari bagi mempertingkatkan keberkesanan dan produktiviti organisasi (Norhasni Zainal Abidin, 2014). Objektif asas penilaian adalah sebagai satu kaedah sistematik untuk menentukan sama ada latihan tersebut telah mencapai objektif atau tidak. Program latihan boleh diandaikan berjaya apabila para peserta dapat mengaplikasikan maklumat yang diterima dalam bentuk kefahaman dan bentuk perubahan tingkah laku terhadap isu-isu yang berkaitan. Maka, setiap program latihan yang telah dianjurkan perlu kepada penilaian untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahannya. Dapatan tentang kelebihan dan kelemahan program tersebut akan membantu pihak pengurusan untuk membuat keputusan sama ada program tersebut perlu diteruskan, penambahbaikan atau dihentikan penganjurannya.

Model Penilaian Kirkpatrick (1959)

Sejak diperkenalkan oleh Kirkpatrick dalam *Journal for the American Society for Training Directors* pada tahun 1959, model ini menjadi popular dalam kalangan penyelidik. Ia dikatakan berupaya untuk membantu proses penilaian sesebuah latihan dengan efisien dan mudah untuk digunakan. Banyak kajian (Miller, 1996; Chan 2003; Brinkerhoff, 2005) telah membuktikan secara empirikal bahawa model ini telah membantu menyumbang kepada keberkesanan program latihan dengan baik. Model

penilaian yang berasaskan matlamat ini diperkenalkan oleh Kirkpatrick dengan mengemukakan empat tahap penilaian iaitu reaksi, pembelajaran, perubahan tingkah laku dan hasil.



Rajah 1 Model penilaian Kirkpatrick

Para sarjana bersepakat menyatakan bahawa adalah sukar untuk menentukan model penilaian yang paling sesuai digunakan untuk sesuatu program penilaian. Setiap model penilaian yang dikemukakan tidak bersifat sempurna dan lengkap secara mutlak bagi sesuatu penilaian. Pemilihan Model Penilaian Kirkpatrick (1959) adalah berdasarkan asas penilaian program yang melibatkan tindak balas, pembelajaran, kesan terhadap peserta dan organisasi. Keempat-empat fasa ini terdapat dalam model penilaian yang dicadangkan oleh Kirkpatrick.

Dalam konteks ini, penulis hanya akan memfokuskan kepada pembangunan diri peserta sahaja kerana mereka adalah wakil kepada pihak Jabatan Fatwa Negeri untuk menyampaikannya kepada masyarakat yang lebih luas di kawasan masing-masing. Faktor diri peserta juga penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu program (Brinkerhoff, 2005). Antara elemen yang paling dominan adalah sikap yang mungkin turut dipengaruhi oleh pengalaman dan persekitaran. Faktor tersebut

akan mempengaruhi persepsi peserta dalam membuat penilaian terhadap program latihan yang disertai. Diharapkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dapat disampaikan dan difahami dengan baik bagi mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan masyarakat umum terutamanya dalam konteks kehidupan beragama.

ULASAN KARYA

Fatwa dan Penyebarannya

Al-Qaradhawi (1993) dalam karyanya *al-Ijtihad al-Mu'asir Baina al-Indibat wa al-Infatih* menekankan bahawa ijtihad semasa perlu dilakukan. Ijtihad tersebut bukan sahaja dalam konteks menjawab persoalan semasa tetapi juga untuk menilai kembali hasil ijtihad dan fatwa zaman lampau yang tidak lagi sesuai dengan keadaan yang bersifat semasa sekarang. Beliau menjelaskan lagi bahawa setiap zaman mempunyai masalah, realiti dan keperluan tersendiri yang berbeza dengan realiti, keperluan dan masalah bagi semasa atau zaman sebelum dan selepasnya. Ibn Solah (1992) dan al-Qaradhawi (1997) menyatakan, fatwa berperanan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul dalam sesebuah masyarakat bagi mengawal masyarakat supaya berada di landasan yang betul mengikut lunas-lunas Islam serta untuk meningkatkan imej Islam. Pada masa yang sama, ia juga adalah jawapan kepada setiap persoalan hidup yang memerlukan penyelesaian dari aspek agama.

Wan Zulkifli Wan Hassan (2014) menyatakan maklumat dan cara penyaluran fatwa adalah penting dalam mempengaruhi kehendak sesuatu organisasi atau masyarakat. Institusi fatwa perlu memainkan peranan selaku penyebar maklumat yang berkesan bagi memastikan kelangsungan perkembangan pengetahuan masyarakat dapat direalisasikan dengan sempurna. Hal ini demikian kerana institusi fatwa merupakan salah satu medium terpenting dalam kehidupan masyarakat agar segala tindakan mereka tidak tersasar daripada ajaran Islam sebenar. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (2004) pula menyatakan fatwa di Malaysia tidak boleh dikeluarkan kecuali setelah dibincangkan dalam jawatankuasa perundangan hukum

syarak atau seumpamanya kerana ia lebih menjamin dari segi ketepatan berbanding pandangan mufti seorang sahaja. Dalam berjihad, terdapat satu prinsip yang dikenali sebagai ijtihad secara berkumpulan (*ijtihad jama'i*). Ijtihad secara berkumpulan seperti ini membolehkan pelbagai kepakaran diambil kira bagi menentukan hukum yang paling tepat dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah serta memberikan kebaikan kepada masyarakat. Muhammad Ikhlas, Luqman, Paizah dan Mohd Anuar (2013) menyatakan faktor keterikatan dengan perlembagaan dan akta, peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang terhad, komposisi AJK fatwa yang tidak seimbang, metodologi fatwa dan latar belakang akademik yang berbeza telah menyebabkan berlakunya konflik fatwa di Malaysia. Isu ini adalah serius dan perlu ditangani secara tegas oleh pihak berwajib. Kegagalan mengatasinya akan menghasilkan natijah yang negatif, masyarakat akan menjadi keliru dan akan mengabaikan sesuatu fatwa kerana terdapat dua pandangan yang saling bertentangan antara satu dengan yang lain. Wan Mahyuddin Wan Muhammad (2017) mencadangkan antara langkah untuk memperkasakan fatwa sebagai sumber perundangan di Malaysia adalah pihak media perlu melaporkan kes pelanggaran fatwa dari semasa ke semasa, terutamanya yang berkaitan dengan permasalahan akidah supaya masyarakat sentiasa mengetahui perkembangan berita dan mengetahui pengharamannya. Ia juga bagi membolehkan pihak JAKIM dan Jabatan Agama Negeri mengambil tindakan susulan selepas berita disiarkan.

Dalam konteks empirikal, kajian Hasnan Kasan (2008) mendapati masih terdapat isu tidak menerima fatwa yang diwartakan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Majoriti kalangan mereka yang mempertikai fatwa tersebut adalah mereka yang mempunyai pendidikan tinggi dan ilmu yang luas berkenaan hokum-hakam perundangan Islam atau mereka yang datang daripada aliran politik pembangkang serta mempunyai kepentingan lain. Kajian Raihanah (2004) terhadap 5000 masyarakat awam di Malaysia pula mendapati, hanya 5 peratus daripada responden merujuk kepada Jabatan Mufti untuk mendapatkan penyelesaian tentang sesuatu hukum. Dalam pelbagai alasan yang dikemukakan, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa sukar untuk berhubung dengan pihak mufti kerana formaliti pejabat dan ada kalanya jawapan yang diberikan tidak tegas dan berbeza-beza. Namun, kajian penerimaan fatwa dalam kalangan pelajar

IPTA di Selangor oleh Ahmad Hidayat dan Che Rohaizan (2016) mendapati, mereka menerima baik fatwa yang diputuskan. Faktor penerimaan ini diandaikan turut dipengaruhi oleh teknologi terkini yang digunakan sebagai sebaran fatwa serta penjelasan terhadap fatwa yang diberikan.

Aplikasi Model Penilaian Kirkpatrick (1959)

Amin Senin (2008) menyatakan model ini lebih kepada pendekatan berorientasikan pengurusan dibina dan dikembangkan untuk memenuhi keperluan penilaian latihan dalam bidang perniagaan dan industri. Keempat-empat tahap penilaian lebih menekankan impak akhir atau hasil sesuatu program. Empat tahap tersebut adalah reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Setiap tahap meningkat mengikut urutannya, iaitu tahap yang lebih tinggi adalah kesan dan dibina berdasarkan tahap sebelumnya. Menurut Fitzpatrick *et al.* (2004) pula, model ini adalah salah satu model penilaian yang terkenal bagi menilai sesebuah program latihan. Model ini juga penting untuk menggambar dan menghuraikan soalan-soalan berbeza yang mungkin dikemukakan oleh penilai-penilai semasa melakukan proses penilaian. Chan (2003) pula menyatakan bahawa model ini paling banyak digunakan untuk mengklasifikasikan penilaian. Winfrey (2002) menyatakan pendekatan model Kirkpatrick menekankan penilaian program latihan pada peringkat reaksi bagi mendapatkan maklum balas untuk memastikan penambahbaikan dapat dijalankan pada program latihan yang telah dikendalikan. Fokus diberikan terhadap minat, perhatian dan motivasi peserta adalah kritikal supaya keberkesanan program latihan tercapai.

Dalam konteks tempatan, model penilaian ini telah digunakan secara meluas untuk mengkaji program-program latihan kerana dikatakan memiliki ciri-ciri yang ringkas, praktikal, senang difahami dan mudah digunakan (Noriha Kasim & Zulkepeli Haron, 2013). Zaharah dan Abu Talib (2013) telah melakukan kajian tentang reaksi pelatih orang kurang upaya berdasarkan Model Kirkpatrick terhadap pelaksanaan program pra vokasional bidang lukisan dan batik. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada program latihan dari segi manfaat kursus, isi kandungan kursus, tenaga pengajar dan kemudahan fizikal yang disediakan memberi tindak balas yang positif kepada peserta. Dapatan kajian menunjukkan

pemboleh ubah kepuasan peserta seperti manfaat kursus, isi kandungan kursus, tenaga pengajar dan kemudahan fizikal berada di tahap memuaskan. Walaupun kepuasan peserta terhadap kemudahan fizikal hanya berada pada tahap sederhana, kepuasan peserta secara keseluruhannya tetap memuaskan. Dapatan ini membawa implikasi bahawa kepuasan peserta adalah lebih bergantung kepada kandungan kursus, penyampaian tenaga pengajar dan manfaat kursus yang diperoleh. Kajian ini juga menunjukkan peserta berpuas hati dengan manfaat kursus, isi kandungan kursus, tenaga pengajar dan kemudahan fizikal, maka peserta kursus akan dapat mengikuti latihan dengan lebih baik dalam kursus yang dihadiri.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan hanya menggunakan data sekunder bagi menganalisis persoalan teoretikal gagasan dan idea yang mendasari Model Penilaian Kirkpatrick (1959) berdasarkan penulisan buku-buku dan jurnal oleh beliau. Data-data yang diperoleh adalah untuk meneliti konsep, matlamat dan kaedah yang digunakan untuk aktiviti penilaian berdasarkan model tersebut. Selain meneliti idea dan struktur yang mendasari konsep tersebut, data-data juga akan diperoleh melalui pembacaan terhadap hasil kajian dan penulisan daripada sarjana-sarjana lain supaya penilaiannya lebih bersifat holistik. Hasil pembacaan daripada sumber sekunder tersebut akan dianalisis melalui tafsiran berdasarkan tema kajian yang telah ditetapkan. Analisis kandungan kualitatif ini adalah bertepatan dengan fokus kajian untuk mengenal pasti konsep, matlamat dan kaedah penilaian Model Penilaian Kirkpatrick (1959) sama ada sesuai atau tidak untuk diadaptasikan dalam menilai kedinamikan penyebaran fatwa oleh setiap Jabatan Mufti Negeri. Pendekatan ini adalah selaras dengan kedudukan Jabatan Mufti sebagai sumber rujukan yang berautoriti bagi umat Islam khususnya di Malaysia. Dapatan daripada huraian berbentuk teoretikal tersebut akan menjadi asas dalam cadangan mengadaptasikannya dalam penilaian program penyebaran fatwa kepada seluruh masyarakat supaya menjadi lebih menyeluruh dan efisien.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Model Penilaian Kirkpatrick (1959) ini direka sebagai kaedah untuk menilai program latihan dengan merangkumi empat tahap penilaian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Menurut Kirkpatrick (1994), setiap tahap perlu melalui proses penilaian yang teliti kerana mempunyai kepentingan dan maklumat yang berbeza untuk menentukan keberkesanan sesuatu latihan.

a. **Reaksi**

Pengukuran pada tahap ini adalah untuk melihat bagaimana pandangan atau perasaan pelatih sepanjang mengikuti program latihan. Menurut Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000) minat adalah penting untuk mencapai pembelajaran secara maksimum. Jika para peserta memberikan reaksi negatif, mereka mungkin tidak bermotivasi untuk belajar. Penilaian reaksi biasanya diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik pada sesi akhir sesebuah program latihan. Instrumen soal selidik tersebut mengandungi pelbagai item seperti personaliti penceramah, teknik atau kaedah penyampaian, kesesuaian topik, persepsi peserta terhadap nilai modul latihan, kesesuaian kandungan kursus dengan bidang tugas, persekitaran tempat pembelajaran dan kemudahan peralatan serta kemungkinan menggunakan kemahiran baharu apabila kembali ke tempat kerja. Setiap item soalan yang dikemukakan mestilah ringkas tetapi merangkumi pelbagai jenis maklumat berkaitan tindak balas segera peserta.

Pada tahap ini, adalah penting untuk menentukan sejauh mana para peserta berpuas hati dengan latihan yang diterima. Maklum balas daripada peserta ini penting bagi membantu organisasi mendapat maklumat tentang kebaikan, kelemahan serta cadangan penambahbaikan untuk memperkemas program latihan pada masa akan datang. Bagi mendapatkan hasil penilaian yang terbaik, beliau menyarankan para penyelidik menetapkan ciri-ciri berikut:

- i. Apa yang hendak dikaji.
- ii. Reka bentuk soal selidik menggunakan skala Likert.

- iii. Menggalakkan komen dan cadangan bertulis.
- iv. Mendapatkan 100 peratus respons sebaik sahaja program latihan ditamatkan.
- v. Maklum balas secara jujur
- vi. Menetapkan piawaian yang boleh diterima.
- vii. Mengukur reaksi berdasarkan piawaian dan mengambil tindakan susulan yang bersesuaian.
- viii. Mengkomunikasikan reaksi secara bersesuaian.

Pihak pengurusan tertinggi mungkin akan membuat keputusan yang tidak tepat melalui apa yang mereka dengar tentang sesuatu program latihan. Maka, data yang dikumpul melalui maklum balas yang tepat dalam penilaian program ini amat penting kerana minat, perhatian dan motivasi peserta mempunyai pengaruh terhadap program yang dirancang.

b. Pembelajaran

Menilai apa yang dipelajari dan disimpan daripada pengalaman pembelajaran adalah penting. Tanpa pembelajaran, tiada perubahan tingkah laku akan berlaku. Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000) menyatakan, pembelajaran hanya berlaku apabila terdapat salah satu daripada empat perkara berikut, iaitu perubahan sikap semasa latihan, peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan perubahan sikap dalam tahap perlakuan.

Oleh itu, penilaian pembelajaran akan mengukur perubahan sikap, penambahan pengetahuan dan penambahan kemahiran selepas program latihan. Antara elemen yang ditekankan adalah prinsip, fakta, atau teknik yang dapat difahami dan dihayati oleh peserta sepanjang mengikuti program tersebut. Penilaian pada peringkat ini biasanya menggunakan teknik kertas dan pensel, simulasi pekerjaan ataupun laporan inventori. Bagi mendapatkan hasil penilaian yang terbaik, beliau menyarankan para penyelidik menetapkan ciri-ciri berikut:

- i. Menggunakan kumpulan kawalan yang sesuai.
- ii. Mengukur pengetahuan, kemahiran dan atau tingkah laku dalam ujian-pra dan ujian pasca.

- iii. Menggunakan kertas dan pensel untuk ujian pengetahuan dan tingkah laku.
- iv. Menggunakan ujian pencapaian untuk mengukur kemahiran.
- v. Mendapatkan 100 peratus maklum balas.
- vi. Mengaplikasikan dapatan penilaian dengan tindakan yang bersesuaian.

Pengukuran dapat dilakukan dengan menentukan min bagi ujian yang berkaitan dengan kandungan program latihan, sebelum dan selepas program latihan diikuti oleh peserta. Jika pembelajaran melibatkan pengetahuan yang baharu, ujian-pra tidak perlu dilakukan. Namun, pembelajaran melibatkan konsep, prinsip dan teknik yang mungkin telah diketahui oleh peserta, perbandingan ujian-pra dan ujian-pos adalah diperlukan.

c. Perubahan Tingkah Laku

Menurut Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000), pada tahap ini adalah menilai sama ada pelatih mengaplikasikan apa yang telah dipelajari. Soal selidik yang dibentuk mengandungi item-item seperti bentuk-bentuk tingkah laku, kemahiran, pengetahuan dan sikap yang sepatutnya dimiliki oleh peserta selepas menghadiri program latihan. Perbandingan antara dapatan ujian-pra dan ujian-pos peserta menjalani latihan akan menghasilkan keputusan terhadap bentuk perubahan yang berlaku. Penilaian perubahan tingkah laku pula melibatkan pemerhatian ketua terhadap pekerja bawahannya. Namun, ia memerlukan masa yang lebih lama dan sukar berbanding tahap reaksi dan pembelajaran. Antara elemen yang perlu ditekankan dalam penilaian tahap ini ialah:

- i. Kumpulan kawalan yang sesuai.
- ii. Peruntukan tempoh masa yang sesuai untuk perubahan tingkah laku.
- iii. Pengurusan ujian-pra dan ujian-pos.
- iv. Menggunakan soal selidik dan atau menemu bual seorang atau lebih melibatkan peserta, penyelia, orang bawahan dan sesiapa sahaja yang selalu memerhati tingkah laku peserta.
- v. Mendapatkan 100 peratus persampelan.
- vi. Mengulang semula penilaian tingkah laku pada masa bersesuaian.
- vii. Mempertimbangkan kos dan faedah.

Penilaian pada tahap ini dapat menentukan sejauh manakah perubahan tingkah laku berlaku kesan daripada program latihan yang disertai.

d. Hasil

Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000) menjelaskan, tahap penilaian hasil adalah langkah yang paling sukar tetapi penting. Hal ini demikian kerana objektif setiap penilaian adalah untuk melihat sama ada sesuatu program yang dianjurkan dapat merealisasikan atau tidak matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi kerana melibatkan masa, tenaga dan kos. Impak positif seseorang pekerja adalah seperti peningkatan kualiti, nilai wang, kecekapan, produktiviti, keselamatan, motivasi dan semangat kerja berpasukan serta membawa kepada perubahan budaya kerja yang positif kepada organisasi. Antara elemen yang perlu ditekankan pada penilaian tahap ini adalah:

- i. Memilih kumpulan kawalan yang sesuai.
- ii. Peruntukan tempoh masa yang munasabah.
- iii. Pengukuran ujian-pra dan ujian-pasca.
- iv. Penilaian semula dalam tempoh masa yang bersesuaian.
- v. Mengimbangi antara kos dan faedah.

Maklum balas yang boleh diperolehi dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif pada tahap ini adalah sangat bernilai bagi memperoleh maklumat deskriptif tentang impak latihan yang dianjurkan.

Penilaian Adaptasi Model Kirkpatrick dalam Penyampaian Fatwa

Berdasarkan huraian tersebut, Model Penilaian Kirkpatrick (1959) sesuai dan berkeupayaan untuk diadaptasi dalam proses penilaian program penyampaian fatwa negeri-negeri di Malaysia berdasarkan pendekatannya yang berorientasikan kepada pengurusan untuk memenuhi keperluan penilaian latihan dalam bidang perniagaan dan industri. Berdasarkan model ini, bagi melihat kedinamikan penyampaian maklumat fatwa, pihak Jabatan Mufti perlu melaksanakan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Menentukan apa yang hendak dikaji (misalnya, kandungan, fasilitator atau impak program).

- ii. Membina borang penilaian untuk mengukur reaksi peserta.
- iii. Menetapkan piawaian bagi setiap penilaian.
- iv. Menggalakkan komen dan cadangan peserta.
- v. Mendapatkan maklum balas semua peserta sebaik sahaja program tamat.
- vi. Mengukur reaksi berbanding dengan piawaian yang dibina.
- vii. Tindakan susulan dengan melakukan penambahbaikan berdasarkan dapatan penilaian.

Namun, semua model memiliki sempadan dan kontroversi, jika tidak ia bukanlah model. Meskipun meminjam beberapa budaya asing yang baik merupakan gejala yang sihat, pergantungan secara mutlak merupakan tanda kehancuran sesuatu bangsa (Muhammad al-Buraey, 1985). Antaranya, pembelajaran dan perasaan seronok para peserta tidak semestinya berkait. Pengukuran sama ada peserta itu benar-benar belajar dan faham apa yang disampaikan tidak boleh hanya dinilai melalui borang penilaian pelatih sahaja. Kepuasan dan keseronokan semasa latihan tidak semestinya menunjukkan mereka faham dan mendapat maklumat baharu kerana ada kemungkinan mereka hanya gembira dengan program-program yang diadakan. Oleh itu, program penilaian hendaklah dilakukan secara holistik melibatkan semua aspek dalam keempat-empat tahap tersebut, manakala dapatan analisis bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya sekadar mekanisme dan penanda aras yang membantu untuk meningkatkan lagi kualiti program penyebaran fatwa oleh Jabatan Mufti dalam kalangan masyarakat.

Menurut Syed Omar Syed Agil (1994), proses membangun masyarakat yang kukuh dan konsisten memerlukan dua elemen penting, iaitu agama sebagai unsur tetap dan fleksibiliti proses pembangunannya. Islam mempunyai kedua-dua unsur ini sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Khalifah Saidina Umar al-Khattab. Pemerintahan beliau yang berteraskan Islam dan mempelajari beberapa perkara daripada orang bukan Islam untuk memperbaiki sistem pentadbirannya yang semakin berkembang telah berjaya mengukuhkan negara Islam.

Cadangan

Berdasarkan perbincangan dalam artikel ini, terdapat beberapa cadangan bagi memperkasakan lagi program penyampaian maklumat fatwa melalui penganjuran bengkel iaitu:

- i. Memperluaskan penglibatan peserta bengkel kepada golongan yang berminat
- ii. Bengkel ini perlu diteruskan secara berkala sehingga peserta bermotivasi tinggi dan yakin kepada kemampuan diri untuk menyampaikannya kepada masyarakat awam.
- iii. Penceramah atau fasilitator mestilah peka kepada keperluan tugas, pelatih dan isu. Berkeupayaan mendiagnosis dengan betul keperluan-keperluan situasi pembelajaran dan pelatih.
- iv. Pembelajaran turut meliputi pemberitahuan, demonstrasi dan penjelasan supaya peserta benar-benar faham sebelum menyampaikannya kepada masyarakat awam.
- v. Isi kandungan perlu dikaji dari semasa ke semasa supaya relevan dengan isu, situasi dan keperluan persekitaran serta penyediaan kemudahan dan peralatan pengajaran yang bersesuaian.
- vi. Memperoleh data yang bersifat empirikal untuk memperbaiki program latihan pada masa akan datang.

RUMUSAN

Model-model daripada Barat tidak pernah benar atau salah tetapi hanya boleh dikatakan bermanfaat atau tidak bermanfaat berdasarkan efisiennya dalam mengeneralisasikan hipotesis-hipotesis dan hujah-hujah yang masih perlu dibuktikan kebenarannya. Model Penilaian Kirkpatrick (1959) menerapkan unsur penilaian kualiti, kecekapan dan keberkesanan sesuatu program latihan secara ringkas tetapi praktikal. Namun begitu, model ini tidak mempunyai perincian tentang bagaimana untuk melaksanakan penilaian bagi keempat-empat tahap tersebut secara khusus. Oleh itu, terpulang kepada organisasi untuk mengaplikasikannya dalam organisasi untuk mengoptimalkan impak positif terhadap setiap program yang

dianjurkan. Dalam konteks program penyampaian fatwa, pihak Jabatan Mufti perlu sentiasa memastikan mereka merancang perkara yang selari dengan matlamat dan objektif pembelajaran, mengemukakan alternatif yang kreatif, mengoptimumkan penggunaan sumber serta sentiasa memantau keperluan latihan. Keperluan tersebut adalah bagi memastikan wujudnya kejelasan, pemindahan pembelajaran dan maklum balas terhadap setiap program yang dianjurkan supaya menjadi lebih kompetitif dan efisien, selari dengan perubahan yang mendadak dalam sosial, ekonomi dan teknologi. Justeru, Jabatan Mufti juga perlu menghadapi perkembangan dan perubahan ini dan bersedia untuk mengalami perubahan mengikut peredaran zaman.

NOTA

- ¹ Kajian ini mendapat pembiayaan kewangan di bawah Geran Penyelidikan FRGS, Kementerian Pengajian Tinggi, Kod SO 13602.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang. (2016). Fiqh kontemporari dalam mendepani realiti semasa masyarakat Malaysia kertas kerja *Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016*, 10 Mac 2016, Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan professional guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Brinkerhoff, R. (2005). The success case method: A strategic evaluation approach to increasing the value and effect training. *Advances in Developing Human Resources*, 7 (1), 88–101.
- Chan, Y. F. (2003). Pendekatan penilaian: Satu tinjauan dari aspek kesesuaiannya dalam penilaian program latihan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 13 (1), 65–81.
- Hasnan Kasan. (2008). *Institusi fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ibn al-Solāh, Abu ‘Amru Uthman. (1992). *Adab al-Fatwā wa Syurut al-Mufti, wa Sifāt al-Mustafti wa Ahkāmuhu*. Kaherah: Matba’ah al-Madan.
- Kamaruzzaman Abdul Manan, Suhaida Md Nor & Bahiyah Omar. (2013). Model Penilaian Kirkpatrick: Mengkaji pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. 29 (2), 31–50.
- Kirkpatrick, D. L. (1975). *Evaluating training programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating training programs: The four levels*. San Francisco: Berrett-Koehler.

- Kirkpatrick, D. L. (1996). Great ideas revisited. *Training and Development Journal*, 50 (1), 54–59.
- Kirkpatrick, D. L. (2000). *Evaluating training programs: The four levels-The ASTD Handbook of training design and delivery*. Virginia: The American Society of Training and Development.
- Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid. (2004). Fatwa dan isu semasa: Masalah dan cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12 (2), 79–93.
- Miller, N. (1996). Education and training at the Ford Motor Company. Dlm. Smith, C. S. & Ferrier, F. (Eds). *The Economic Impact of Vocational and Training*, (pp. 197–201) Canberra: AGPS.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail & Mohd Anuar Ramli. (2013). Konflik fatwa di Malaysia: Satu kajian awal. *Jurnal Fiqh*, 10, 31–56.
- Muhammad al-Buraey. (1985). *Administrative development an Islamic perspective*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Norhasni Zainal Abidin. (2014). *Rekabentuk metodologi dan penilaian latihan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noriha Kasim & Zulkepeli Haron. (2013). Penilaian pembelajaran komponen KAS terhadap pencapaian subjek Sains pelajar Tingkatan Satu MRSM. *Jurnal Latihan dan Pendidikan (MARA)*, 5 (2), Disember, 1–19.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1993). *al-Ijtihad al-Mu'asir Baina al-Indibat wa al-Infatih*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasr.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1997). *Fatawa Qardhawi, permasalahan, pemecahan dan hikmah*. (Terj. H. Abdurrachman Ali Bauzir). Gombak: Al-Baz Publishing.
- Raihanah Haji Abdullah. (2004). Fatwa dan Masyarakat. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (Ed.). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Omar Syed Agil. (1994). Model pembangunan Barat meragukan. Dlm. Syed Omar Syed Agil & Salina Haji Zainol (Eds.). *Islam dan Cabaran Era Baru*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Wan Mahyuddin Wan Muhammad. (2017). Pengalaman mengendalikan kes pelanggaran fatwa di Mahkamah Syariah Selangor. *Proceeding ISLAC 2017: The International Seminar the Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*. Kuala Terengganu: Faculty of Islamic Contemporary Studies, UNISZA, 38–63.
- Wan Zulkifli Wan Hassan, Nasruddin Yunos, Azizi Umar, Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2014). Peranan fatwa sebagai medium penyebaran maklumat dalam menangani permasalahan agama masyarakat Islam di Terengganu. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*. Kuala Lumpur, 17–18 November 2014.

- Winfrey, E. C. (2002). Kirkpatrick's four levels of evaluation. Encyclopedia of educational technology. Dimuat turun daripada <http://coe.sdsu.edu/eet/Articles/k4levels/start.htm>.
- Zaharah A. Wahid, Zaharah Hussin & Abu Talib Putih. (2013). Reaksi pelatih orang kurang upaya berdasarkan Model Kirkpatrick terhadap pelaksanaan program pra vokasional bidang lukisan dan batik. *JUKU: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (4), Oktober, 28–37.
- Laman Web Jabatan Mufti Pulau Pinang: <http://mufti.penang.gov.my/index.php/en/2014-11-12-02-37-08/fatwa>).

